

17/10/2000

Mengimbangi kawasan hijau dengan pembangunan

Nurul Hazren Masitom

KELMARIN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengetuai rakyat Malaysia menjayakan usaha menanam 100,000 Pokok Alaf Baru 2000 di Taman Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Perdana Menteri menanam sebatang pokok kapur atau nama saintifiknya *dryobalanops aromatica* dalam majlis yang berjaya dicatat dalam Guinness Book Of Records. Dalam tempoh seminit 100,000 pokok daripada 30 spesies ditanam serentak di seluruh negara sempena Hari Habitat Sedunia 2000.

Kejayaan itu mengatasi rekod Guinness Book of Records yang dicipta di Brazil iaitu menanam 24,199 pokok dalam tempoh seminggu di Sao Paulo pada April 1996.

Acara menanam pokok itu bukan sekadar untuk memecahkan rekod dunia, malah lebih daripada itu bagi menandakan betapa pentingnya pokok dalam kehidupan kita. Ia juga sebahagian usaha kerajaan mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara taman menjelang 2005.

Kerajaan menggalakkan pelbagai pihak menanam pokok dengan mensasarkan tiga juta pokok ditanam sehingga akhir tahun ini dan 20 juta pokok pada 2020 di seluruh negara.

Namun, tujuan sebenar di sebalik penanaman pokok itu mempunyai maksud besar, bukan setakat mengindah dan menghijaukan kawasan bandar, malah berupaya mewujudkan persekitaran sihat kepada generasi akan datang.

Dalam jangka masa lima hingga 10 tahun akan datang, pokok yang ditanam akan membesar seterusnya dapat memberi tempat teduh serta membantu menurunkan suhu dunia atau setidak-tidaknya mengurangkan kepanasan di Malaysia terutama di kawasan bandar.

Jika diingat kembali, tradisi masyarakat yang mungkin masih diamalkan pada zaman moden ini ialah apabila menyambut kelahiran bayi, mereka akan menanam pokok sebagai tanda kesyukuran. Apabila bayi itu semakin dewasa, pokok itu juga akan membesar seusia dengan anak berkenaan.

Konsep itu turut diamalkan oleh satu kumpulan yang dipanggil Tree Planting Group (TPG) dianggotai Persatuan Pencinta Alam (MNS), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Persatuan Penilai dan Perunding Harta Swasta Malaysia (Peps), Kelab Lions Malaysia dan Pertubuhan Hartanah Antarabangsa Malaysia.

Penubuhan TPG bagi mendorong, mendidik dan memberi motivasi kepada rakyat dengan menghadiahkan pokok kepada keluarga dan rakan untuk ditanam sebagai satu cara memberi pengiktirafan terhadap usaha menghijaukan bumi. 'Hadiah' itu nanti akan menjadi nilai tidak terhingga bukan saja kepada mereka, malah persekitaran semula jadi.

MNS percaya, jika rakyat Malaysia menanam 100,000 pokok mulai tahun ini, ia akan menyerap 1,300 tan partikel habuk dan 600,000 kilogram karbon dioksida setiap tahun selepas 2020, seterusnya mengurangkan pemanasan global akibat kesan rumah hijau.

Buktinya, perbezaan suhu amat ketara di kawasan pusat bandar dan taman yang dipenuhi pohon rimbun. Jika anda berkereta menyusuri jalan dari ibu kota ke Taman Tasik Perdana, Kuala Lumpur atau ke kawasan pedalaman yang jauh dari hiruk-pikuk bandar, anda akan dapat merasai perbezaannya.

Berdasarkan kajian, serumpun pokok dapat menurunkan suhu di kawasan sekitarnya sehingga 10 darjah selsius.

Pokok mempunyai nilai sentimen tersendiri bukan saja kepada manusia, malah haiwan memerlukannya sebagai tempat teduh dan sumber makanan. Ini terbukti berdasarkan fungsi pokok itu sendiri. Tidak hairanlah mengapa ia

menjadi sasaran pembalok haram yang mahu mengaut keuntungan daripada hasilnya.

Malaysia sebuah negara tropika, terdedah kepada sinaran terik matahari. Justeru, dalam konteks pembangunan sesebuah bandar, pokok memberi pemandangan indah kepada persekitaran dan keselesaan kepada penghuninya.

Persekitaran indah dan suasana tenteram dapat memastikan masyarakat hidup dalam keadaan aman dan bahagia, malah membantu meningkatkan produktiviti.

Pada masa sama, penanaman pelbagai spesies flora mampu menjadi daya tarikan kepada pelancong ke negara ini.

Daripada pokok, manusia berupaya membuat rumah, menghasilkan kertas, sebagai sumber ubatan, damar, barangan berasaskan getah, perabot dan seribu satu macam kegunaan.

Tanpa daya usaha untuk menanam pokok, manusia akan kehilangan gas pernafasan paling penting iaitu oksigen dan bertambah pula gas rumah hijau iaitu karbon dioksida.

Kerajaan juga tidak ketinggalan memainkan peranan melaksanakan pelbagai agenda berkaitan usaha menjaga alam sekitar termasuk pelaksanaan Agenda Tempatan 21 yang mempunyai matlamat pembangunan mapan melalui penanaman dan pemuliharaan spesies pokok.

Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Datuk Ismail Ngah berkata, langkah itu terbukti dengan hasrat kerajaan memperuntukkan 50 peratus kawasan hijau untuk dikekalkan.

Katanya, ciri negara taman yang mahu dipraktikkan termasuk mengimbangi antara kawasan hijau dengan pembangunan.

Menurutnya, jika ia membabitkan pembangunan di bandar, kawasan hijau adalah dalam bentuk taman, kawasan lapang, zon penimbal, koridor semula jadi dan kawasan landskap, yang mana ia sebahagian daripada lanskap bandar.

Zon penimbal berfungsi meneutralkan udara dengan mengimbangkan kawasan yang tercemar dengan tidak tercemar.

Katanya, adalah penting memperuntukkan kawasan hijau kerana ia memberi kebaikan terhadap penyesuaian cuaca mikro, memperbaiki mutu udara (menerusi tapisan partikel dan gas pencemar) dan merendahkan nada bunyi bising.

Antara kebaikan lain mengikut kajian dijalankan adalah:

- * 35 peratus pengurangan halaju angin setiap tahun di Canberra, Australia akibat penanaman pokok selama 20 tahun.

- * 6,500 tan partikel habuk di udara setiap tahun terperangkap disebabkan 500,000 pokok di Tucson, Amerika Syarikat.

- * Pengurangan bunyi bising melalui penggunaan pokok tinggi dengan kawasan hijau padat.

- * Penurunan suhu sebanyak tiga darjah selsius di kawasan yang ditanam dengan pokok hijau berbanding kawasan yang dibiarkan tanpa pokok.

- * Satu hektar kawasan yang mempunyai campuran pokok boleh menyerap 900 kilogram karbon dioksida dan melepaskan 600 kilogram oksigen ke atmosfera dalam masa sehari. Satu kawasan seluas 40 meter persegi yang dipenuhi pokok pula boleh menyumbang cukup oksigen dalam tempoh sehari untuk seorang.

Ismail berkata, kawasan landskap hijau dapat mendorong pelbagai kegunaan kepada orang ramai terutama menggalakkan mereka mengambil bahagian dalam kegiatan luar.

Selain itu, orang ramai boleh menyumbang terhadap kestabilan ekologi kawasan bandar melalui penciptaan habitat fauna, mengawal hakisan tanah dan penyelenggaraan pelbagai jenis bunga-bunga.

Langkah itu sekali gus dapat mengelak berlakunya pencemaran dan pemusnahan hutan kerana kegiatan berkenaan menggalakkan manusia menghargai

tumbuh-tumbuhan.

Suasana tenang yang wujud akibat kawasan hijau dapat membaiki kesihatan mental dan fizikal sesebuah masyarakat.

Malah, ada bukti menunjukkan landskap di bandar dan kawasan hijau boleh mengurangkan tekanan kepada manusia. Beberapa kajian di Amerika Syarikat menunjukkan pesakit di hospital yang mempunyai bahagian bilik menghala ke taman atau kawasan hijau, mampu sembuh dalam masa singkat dan komplikasi yang dialami berkurangan, berbanding pesakit yang tidak mempunyai pemandangan seperti itu.

Dengan keadaan dunia yang semakin maju dan gaya penghidupan moden manusia, ditambah lagi dengan pembangunan pesat, tidak hairan fikiran sesetengah masyarakat menjadi sempit sehingga menyebabkan bertambahnya pesakit mental di hospital. Ini juga berkemungkinan besar berkait rapat dengan persekitaran tempat tinggal yang tidak sesuai kerana kekurangan elemen hijau iaitu pokok.

Berdasarkan contoh yang diberikan, sememangnya kawasan hijau boleh dianggap sebagai nadi kepada sesebuah bandar. Mewajibkan penanamannya sebagai sebahagian kawasan landskap bandar mampu menjadikannya sebuah bandar sihat.

Bandar dan persekitaran sihat juga adalah penggerak kepada masyarakat maju. Oleh itu, kita perlu membantu menghijaukan kawasan tempat tinggal dengan menanam pokok kerana mampu memberi ketenangan dan keselesaan penghidupan pada masa akan datang.

(END)